

3rd Social Sciences **Postgraduate National Seminar** **SSPNS 2011**

21 - 22 November 2011

Berjaya Hotel Georgetown

ACKNOWLEDGEMENT

The 3rd Social Sciences Postgraduate National Seminar (SSPNS11) was made possible via a Grant from the Research Creativity & Management Office (RCMO) of Universiti Sains Malaysia. The Organizing Team of the SSPNS11 wishes to record its thanks and sincere appreciation to RCMO for its generosity and for making this year's seminar more easily accessible to our participants.

UNDANG-UNDANG INDONESIA TERHADAP PENGURUSAN DANA MASJID DI MANADO, INDONESIA

Deicy Natalia Karamoy
Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI)
Pusat Kajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

Fakultas Hukum
Universitas Sam Ratulangi Manado
Indonesia
E-mel: deicykaramoy@yahoo.com

Abstrak,

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis pengurusan dana masjid terhadap yayasan, zakat, wakaf, infaq dan sedekah menurut Undang-Undang (UU) Nombor 16 Tahun 2001, 38 Tahun 1999 dan 41 Tahun 2004. Kes masjid yang akan diselidik ialah masjid Ahmad Yani Manado. Persoalannya, walaupun ada badan takmir yang menguruskan dana masjid tersebut, namun masih berlaku beberapa kes pecah amanah yang tidak sesuai dengan undang-undang dalam mengurus dana tersebut, dan juga pengurusan dana yang tidak sesuai dengan berasas kepada undang-undang. Analisis kandungan akan dibuat berdasarkan dua sumber data. Pertama ialah data sekunder yang peroleh daripada undang-undang dan laporan-laporan bertulis. Kedua ialah data primer yang diperoleh daripada kajian lapangan. Dapatan kajian adalah diharapkan dapat mencadangkan kepada badan takmir masjid Ahmad Yani bagi menambahbaik lagi pengurusan dana masjid di Manado, Indonesia. Sebaliknya jika berlakunya kes-kes pecah amanah dan penyelewengan dalam menguruskan dana-dana tersebut, maka tindakan yang sesuai dengan undang-undang yang ada di Indonesia dapat diambil.

Kata Kunci : undang-undang, pengurusan dana, masjid.

1. PENGENALAN

1.1. Latar Belakang Permasalahan

Di Indonesia, menurut catatan Kementerian Agama (2010) diperkirakan terdapat lebih dari 700 ribu masjid, yang merupakan terbanyak di dunia. Hal ini membuat banyaknya juga masalah-masalah yang terdapat di dalam pengurusan masjid. Khususnya dalam bidang pengurusan dana-dana yang berdepan dengan undang-undang yang ada sebagai pengawal dan panduan terhadap badan pengurus Masjid. Di antaranya ialah Masjid Raya Ahmad Yani di Manado, Sulawesi Utara, Indonesia. Walau pun menurut data Masjid di kawasan Sulawesi Utara dan Manado, Masjid di kawasan ini termasuk kategori bangunan yang tidak banyak dijumpai. Hal ini oleh kerana tidak ramainya penganut agama Islam di daerah ini, seperti yang boleh dilihat berikut.

Manakala data dari pejabat Biro Pusat Statistik (BPS) 2008, umumnya penduduk di Bandar Manado beragama Kristian iaitu seramai 233.912 (56 peratus), sedangkan Katholik seramai 22,764 (7 peratus) dan Islam seramai 137.841 (33 peratus). Jemaah Hindu dan Budha di bandar Manado hanya seramai masing-masing 1 peratus, sehingga membuat penyelidikan Masjid ini merupakan suatu keunikan tersendiri untuk diselidik.

Orgawam (2010) mengatakan Masjid diurus dengan apa adanya tanpa pengurusan yang baik, bahkan hanya menggunakan pengurusan kekeluargaan. Sumber pendanaan masjid yang masih sekadarnya mengandalkan permintaan sumbangan dari masyarakat. Untuk menanggulangi hal ini, perlu dilakukan pemberdayaan umat dan pengelolaan masjid secara profesional.

Kemudian mengenai kemampuan dan kreativiti badan takmir masjid, Orgawam (2010) mengatakan juga ramai jemaah masjid mengakui bahawa takmir masjid yang belum memiliki kemampuan dan kreatifiti dalam hal pengurusan.

Iskandar (1992) mengatakan bahawa dalam pengurusan dana masjid ada 3 hal yang harus diperhatikan. Pertama adalah mengurus pengumpulan dana, yang kedua adalah mengurus penyimpanan dana yang telah didapat dan yang ketiga adalah mengurus pembahagian dan pemanfaatan dana. Dalam hal pengurusan pembahagian dana, terutama dana zakat, yang sering menjadi pokok masalah adalah bagaimana membahagi dana yang telah dikutip dapat dibahagi seturut dengan ketentuan-ketentuan yang telah digariskan dalam ajaran Islam.

Dengan banyaknya masyarakat yang memerlukan dana, sedangkan dana yang terkumpul masih belum sebanding dengan permintaan yang demikian banyak, maka pengambil keputusan harus mampu untuk mengambil skala prioriti yang tetap sejalan dengan ketentuan agama Islam.

Dalam Masjid Raya Ahmad Yani Manado badan Takmir Masjid dilantik oleh Gubernur Sulawesi Utara. Masjid Raya Ahmad Yani dibina pertama kali di Bandar Manado pada tahun 1966. Kemudian berkembang dengan menjadi salah satu masjid terbesar di Indonesia Timur dengan dimulai pembinaan pada hujung tahun 1998 iaitu pada bulan Oktober 1998.

Pengurus badan Takmir masjid Raya Manado diatur menurut undang-undang yayasan yang berlaku iaitu suatu badan keagamaan yang terdiri daripada Badan Pelaksana, Badan Pembina dan Komisi Pengawas. Dengan tempoh memimpin selama 3 tahun. Pada tahun 2009 dilantiklah badan Takmir Masjid Raya Ahmad Yani Manado oleh Gubernur Sulawesi Utara dengan banyaknya 100 orang yang dipercayai untuk menguruskan masjid tersebut.

Domu (2011) mengatakan bahawa, selari dengan perkembangan masa sehingga pada akhir tahun lalu hanya 3 orang sahaja yang aktif menjalankan tugasannya. Tentu sahaja ini menyalahi aturan menurut Undang-Undang Nombor 16 Tahun 2001 tentang Yayasan. Kerana badan Pelaksana (pengurus), badan Pembina dan Badan Pengawas (pengawalan) hanya dilakukan oleh ketiga-tiga orang tersebut.

Di sisi lainnya masalah yang ada adalah Pengurus badan Takmir Masjid dan pengurus Zakat dikelola oleh orang yang sama. Selain daripada itu Badan Takmir Masjid Raya Ahmad Yani Manado juga menguruskan pembinaan Masjid dan pengurusan dana infaq dan sodaqah. Hal tersebut di atas tentu sahaja menimbulkan masalah baru di dalam hal pengurusan kewangan rumah ibadat terutama dari sisi undang-undang. Menurut Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 tentang Zakat maka pengurusan dana zakat sepatutnya mesti dilakukan oleh setiap daerah, sehingga memudahkan untuk mempertanggungjawabkan dana yang masuk dan keluar sesuai dengan undang-undang.

Dalam propinsi Sulawesi Utara pengurusan dana Zakat mesti dilantik oleh Gubernur Sulawesi Utara dan Bandar Manado oleh walikota Manado akan tetapi untuk kes ini, kawasan Sulawesi Utara yang di antaranya terdiri daripada Bandar Manado, Bandar Kotamobagu, Bandar Bitung, Bandar Tomohon, Bandar Talaud, dan lain sebagainya hanya dilantik menjadi satu keseluruhan iaitu Propinsi Sulawesi Utara. Propinsi Sulawesi Utara hanya mempunyai satu badan pengurus zakat yang di samping itu

pun juga merupakan badan Takmir Masjid. Suatu hal yang tidak sesuai dengan apa yang dikatakan di dalam undang-undang (Domu, 2011).

Masalah lainnya ialah daripada 171,742 umat Islam di Bandar Manado (Kementerian Agama Prov. Sulut, 2010) maka hanya mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan sahaja yang membayar zakat, iaitu seramai 1,700 orang atau hanya 1 peratus sahaja. Pembayaran zakat pun hanya berupa kesedaran para umat Islam yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan Bandar Manado. Kesedaran umat Muslim di kawasan ini dalam memberikan zakat masih dalam taraf peringkat rendah. Padahal, tujuan memberi zakat bagi umat muslim adalah membentuk dan membina ekonomi serta menghapus kemiskinan (Domu, 2011). Ia juga menambahkan bahawa untuk memaksimumkan dan melaksanakan zakat sebagai amanah dari Allah SWT, banyak melakukan maklumat terhadap masyarakat tentang penggunaan dan manfaat zakat bagi umat Muslim. Selepas itu juga melakukan evaluasi seperti sejauh mana zakat ini telah dilaksanakan oleh masyarakat dan juga sejauh mana kesedaran masyarakat untuk melakukan zakat ini (Domu, 2011).

Manakala pembahagian dana zakat dilakukan kepada masyarakat yang masuk dalam kategori penerima zakat (mustahik) dalam At-Taubah 60 iaitu "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang Fakir, orang-orang Miskin, Pengurus-pengurus zakat, Para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk memerdekakan budak. Orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang wajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Dalam kenyataannya, akibat kurangnya pengurus badan Takmir tersebut maka pembahagian dana zakat pun banyak mengalami kekurangannya. Contohnya, tidak adanya data masyarakat dengan peringkat sangat miskin sehingga pembahagian dana zakat lebih banyak kerana adanya hubungan kekerabatan, pertemanan mahupun dekat dengan kepala kampung (Domu, 2011). Jelas cara ini sangat bertentangan dengan Undang-Undang Nombor 38 tahun 1999 tentang Zakat.

Dalam hal lain dapat ditemui adalah cara mengutip dana yang akan masuk ke dalam akaun bank badan Takmir Masjid Ahmad Yani Manado. Semua sumber dana masjid baik dana zakat, infaq dan sedekah juga dana pembinaan masjid dilakukan dalam satu akaun bank dengan satu nama pemilik akaun iaitu Bapak Ghaib dan ditanda tangani oleh ketua dan bendahari badan Takmir Masjid Manado. Tentu sahaja hal ini sangat bertentangan dengan undang-undang yang ada. Dengan lemahnya kawalan dapat mengakibatkan banyaknya hal-hal yang dapat mengakibatkan perbuatan melawan undang-undang, sehingga tentu sahaja akan mendapatkan hukuman.

Pembuatan laporan dana masjid yang dibuat berasaskan pada setiap 3 tahun. Dengan demikian hal ini tentunya akan sangat tidak sesuai dengan undang-undang yang berlaku dan juga ditakutkan akan terjadi kes pecah amanah. Tidak adanya tanggung jawab serta badan Pengawas (Pengawal) yang mengawal seluruh laporan dana-dana masjid Ahmad Yani.

Masih kurangnya kajian yang melibatkan tinjauan undang-undang keagamaan terhadap pengurusan dana rumah ibadat di Bandar Manado sehingga akan menjadikan suatu kajian yang bermanfaat di kalangan umat Islam. Menerusi permasalahan yang dinyatakan, kajian ini akan mengkaji isu kepengurusan dana rumah ibadat Masjid Ahmad Yani di Bandar Manado ini dengan merujuk kepada undang-undang yang ada.

1.2. Pendekatan Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dipergunakan dalam usaha menganalisis bahan dan data dengan mengacu kepada deskriptif data yang ada. Data yang diperoleh

bersifat kualitatif dalam bentuk deskriptif yang saling melengkapi dan dapat menggambarkan permasalahan yang diselidik (Silalahi, 2009; Moleong, 2000).

Sampel yang akan digunakan ialah dengan memakai *snowball sampling* atau sampel bola salji. Ia digunakan dalam penelitian pengamatan atau temubual (Marican, 2006). Prosedur pemilihan sampel ini dilakukan secara bertingkat. Sampel yang akan diselidik diantaranya responden badan Takmir Masjid Raya Manado berjumlah 3 orang dan responden jemaah Masjid Raya Ahmad Yani Manado. Tidak ada data rasmi yang mencatat jumlah umat Muslim di sekitar lingkungan Masjid, sehingga sampel akan diambil bermula kepada seseorang pada masa sholat Jumaat dengan cara bola salji. Jumlah responden seramai 20 orang.

Kajian perpustakaan dan kajian lapangan digabungkan. Kajian perpustakaan mendedahkan data mengenai Undang-Undang No. 16 Tahun 2001 dan Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 tentang Zakat.

Untuk menganalisis, penyelidik melakukan kajian lapangan berupa temu bual dengan ahli badan Takmir Masjid dan ahli jemaah pada Masjid Raya Ahmad Yani Manado. Analisis responden dilakukan dengan memakai kaedah bola salji. Analisis ini diharapkan boleh membentuk kriteria pengurusan dana Islam yang berteraskan undang-undang keIslaman. Kajian ini merupakan satu cadangan penyelidikan untuk diteruskan dan dikaji lebih mendalam.

1.3. Tujuan Kertas Kerja

Tujuan kertas kerja ini adalah menganalisis pengurusan dana Masjid terhadap undang-undang dalam prosidur keagamaan serta menganalisis cabaran yang dihadapi oleh badan Islam Masjid Ahmad Yani dalam pengurusan dana.

2. MASJID DAN PENGURUSAN DANA DI MANADO

2.1. Definisi Masjid dan Pengurusan Dana Masjid Ahmad Yani

Masjid adalah rumah tempat ibadah umat Muslim (Ismail & Castrawijaya, 2010). Ia adalah tempat sujud, dan mesjid berukuran kecil juga disebut musholla, langgar atau surau. Selain tempat ibadat, masjid juga merupakan pusat kehidupan komuniti muslim. Kegiatan - kegiatan perayaan hari raya, diskas, kajian agama, bincang agama dan belajar Al Qur'an sering dilaksanakan di Masjid. Bahkan dalam sejarah Islam, masjid turut aktif memegang peranan dalam aktiviti sosial kemasyarakatan hingga keaskaran (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Kemudian di dalam Masjid mempunyai pengurus badan Masjid yang akan mengurus pelbagai pengurusan dan pentadbiran berkaitan dengan pengurusan kewangan, perkhidmatan dan juga pengurusan Masjid. Pengurus badan rumah ibadat ini tentunya akan merujuk kepada aturan keagamaan Islam yang berasaskan kepada Al-Quran serta undang-undang dari Republik Indonesia untuk mengatur pengurus dan kewangan kegiatan dalam rumah ibadat (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Di Manado, Indonesia, menurut data yang diperolehi ialah banyaknya Masjid terdapat 177 buah (Kementerian Agama 2010). Salah satu masjid yang akan diselidiki dalam kes ini ialah Masjid Raya Ahmad Yani. Masjid ini merupakan salah satu Masjid tertua di Manado, Indonesia. Masjid ini tentu sahaja mempunyai sumber-sumber dana yang didapati daripada pelbagai sumber.

Sumber dana dalam masjid Ahmad Yani di Manado didapati berasal daripada dana bantuan, pembinaan masjid, infak, sodaqah, dan zakat. Wakaf diuruskan oleh pihak kementerian Agama Propinsi Sulawesi Utara sehingga pengurusannya bukan menjadi tanggung jawab pengurus Masjid, sedangkan dana bantuan, pembinaan masjid, dikutip dan diuruskan oleh Badan Takmir Masjid Ahmad Yani dan dana zakat, infak dan sodaqah

diuruskan oleh Badan Amil Zakat Sulawesi Utara. Hal ini berlaku kerana adanya beberapa undang-undang yang mengawal pengurusan dana masjid secara purata di Indonesia iaitu undang-undang tentang yayasan, wakaf dan zakat serta undang-undang lainnya sebagai rujukan jika berlaku pecah amanah dan masuk dalam mahkamah.

Untuk membuat pengurusan dana masjid ini menjadi baik, terkawal dan sesuai dengan aturan, baik menurut yayasan masjid Ahmad Yani sebagai pendiri Masjid Ahmad Yani mahupun badan Takmir sebagai pengurus Masjid maka pelaksanaan pengurus tersebut harus dilandasi aturan yang berupa undang-undang untuk mengawal dana tersebut dalam hal pengutipan, pembahagian serta pertanggung jawaban dalam menjalankan amalan ibadah yang harus dijalankan.

2.2. Pengurusan Dana Zakat terhadap Undang-Undang

Imam Malik, Imam Abu Hanifah, dan Imam Ahmad bin Hanbal (El-Bantanie, 2009; Qardhawi, 2002) berpendapat bahawa harta zakat itu tidak harus dibahagi delapan bahagian, bahkan penguasa atau imam dapat menyerahkan harta zakat itu untuk satu atau dua golongan saja meskipun golongan lain masih ada. Berbeza dengan pendapat ketiga imam tersebut, Imam Syafi'i (Qardhawi, 2002) berpendirian bahawa dana zakat harus diserahkan kepada delapan golongan yang disebutkan Al-Qur'an kerana Al-Qur'an memang menyebutkannya secara terperinci, kecuali jika golongan itu memang tidak ada pada masa zakat dibahagikan.

Ada pula satu golongan yang mengatakan bahawa bila dana zakat itu banyak dan dapat dibahagi secara merata untuk semua golongan yang ada, maka harus didistribusikan untuk semua golongan. Namun bila jumlah zakat itu sedikit, sehingga kurang bisa dimanfaatkan jika dibahagi-bahagi, maka pembahagiannya diserahkan pada kebijaksanaan imam atau penguasa. Mereka boleh memberikannya hanya kepada satu golongan sahaja. Mengenai urutan prioritas golongan yang berhak menerima zakat juga tidak disebutkan dengan tegas, baik dalam Al-Qur'an mahupun dalam hadis (Ali, 1988; Ash Shiddieqy, 1999).

Akan tetapi kebanyakan ulama memahami bahawa urutannya adalah sebagaimana yang terdapat dalam surah At-Taubah ayat 60, walaupun kata penghubung yang terdapat dalam ayat itu bukan untuk "tertib". Para ulama memahami bahawa urutan dalam Al-Qur'an menunjukkan urutan keutamaan. Hal ini dapat dimengerti kerana yang disebutkan dalam ayat itu lebih dahulu memang golongan yang sangat memerlukan dibandingkan dengan golongan yang disebut kemudian (Doa, 2001; Qardhawi, 2002).

Namun tidak bererti urutan yang lebih dahulu menutupi urutan yang datang kemudian, baik menutupi secara penuh mahupun hanya sebahagian, seperti sistem hijab (penghalang) yang berlaku dalam hal waris. Yang dimaksud dengan pemenuhan keperluan fakir dan miskin itu tidak hanya keperluan makan dan minum saja, tetapi melingkupi segala macam keperluan, seperti tempat tinggal, pakaian, dan pendidikan. Untuk semua itu perlu ada skala utama. Keutamaan fakir dan miskin seperti ini juga pernah dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz (El-Bantanie, 2009).

Untuk memanfaatkan dan mendayagunakan zakat dengan sebaik-baiknya, diperlukan arahan dan pedoman daripada pihak kerajaan atau pengurus zakat. Dana zakat tidak harus diberikan kepada yang berhak dengan apa adanya, tetapi dapat diberikan dalam bentuk lain secara kegunaan (El-Bantanie, 2009).

Di samping itu Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat dalam Fasal 6, menyatakan bahawa pengurusan zakat dilakukan oleh badan amil zakat yang ditubuhkan oleh kerajaan. Kemudian pertubuhan badan amil zakat dilakukan secara nasional oleh Presiden atas usul Menteri kemudian daerah propinsi oleh gubernur atas usul ketua pejabat tingkat propinsi, kabupaten atau bandar oleh bupati atau wali kota

atas usul ketua pejabat departemen agama kabupaten atau kota, dan peringkat kecamatan oleh camat atas usul ketua pejabat urusan agama kecamatan.

Kemudian badan amil zakat di semua tingkatan memiliki hubungan kerja yang bersifat membantu, mesra dan memberikan maklumat yang rinci. Pengurus badan amil zakat terdiri atas aspek masyarakat dan pemerintah yang memenuhi persyaratan tertentu. Organisasi badan amil zakat juga terdiri atas unsur pertimbangan, unsur pengawas dan unsur pelaksana.

Pembahagian zakat di samping ada undang-undang yang menguruskannya juga ada hadis yang mengisyaratkan agar membahagi harta zakat itu dengan sesegera mungkin, ada pula hadis yang memberi petunjuk untuk mengeluarkan zakat dari jenis yang sama dengan barang yang harus dizakati itu (El-Bantanie, 2009). Sebagaimana terdapat dalam riwayat dari Mu'az bin Jabal yang mengatakan bahawa semasa Nabi SAW mengutusnyanya ke Yaman sebagai penguasa atau wali, Nabi SAW berkata: "Pungutlah (zakat) biji-bijian dari biji-bijian, kambing dari kambing, unta dari unta, dan sapi dari sapi" (HR. Abu Dawud dan Ibnu Majah dalam Sunan, al-Zakat: 2439).

Hadis ini mengisyaratkan bahawa zakat tidak dapat diganti dengan barang lain, walaupun sesuai dengan harga barang itu sendiri. Oleh sebahagian besar ulama hadis ini dijadikan alasan bahawa zakat harus diberikan apa adanya untuk digunakan secara konsumtif. Sedangkan ulama lain, termasuk Imam Abu Hanifah, memperbolehkan mengganti zakat dengan harganya (wang tunai). Pemberian zakat kepada para mustahak dalam bentuk apa adanya untuk digunakan secara konsumtif itu sesuai apabila sasaran pemanfaatannya adalah fakir dan miskin yang memerlukan makanan.

Manakala Qardhawi (2002) menyatakan bahawa zakat dapat dibahagikan ke tempat lain yang bukan tempat dikumpulkan zakat, dengan beberapa syarat yang dapat diterima apabila hal tersebut mengakibatkan kemaslahatan bagi Islam dan kaum muslimin. Contohnya di kawasan yang majoriti penduduknya mengalami kemiskinan dan di kawasan tersebut terdapat pemurtadan yang dilakukan oleh agama lain dengan iming-iming bantuan ekonomi, maka mereka harus lebih diutamakan dalam pembahagian zakat. Kerana jika tidak, maka mereka akan menjadi murtad dan akan berpaling dari agama Islam. Ini adalah sesuatu yang sangat berbahaya, apalagi mengingat majoriti 31 peratus penduduk umat Islam di Indonesia adalah masuk dalam kategori sangat miskin (BPS, 2010). Apabila mereka murtad dari agama hanya kerana mereka miskin dan memerlukan makanan sekadar untuk menegakkan tubuh mereka, maka kita dapat menyelamatkan mereka dari pemurtadan dengan memberikan mereka dana zakat (Qardhawi, 2002).

Namun apabila berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'i (Palmawati, 2004) bahawa pemenuhan keperluan fakir dan miskin dengan harta zakat itu sampai batas diperkirakan mereka tidak akan terlantar lagi di hari depannya, maka pemberian zakat secara konsumtif kurang menjamin masa depan para mustahak. Kerana bahagi fakir dan miskin yang tidak mempunyai kemampuan dan kemahuan bekerja, harta zakat itu akan cepat habis. Sedangkan harta atau dana tersebut diperlukan untuk membuka lapangan kerja baru yang diharapkan dapat mencukupi keperluan mereka sehari-hari untuk masa hadapan.

Dengan demikian, jumlah dana yang diberikan harus berbeza-beza sesuai dengan tempat, masa, jenis niaga, dan sifat-sifat penerima zakat. Apabila fakir dan miskin itu tidak mempunyai keterampilan apa pun, mereka diberi zakat yang dapat mencukupi biaya hidup selama satu tahun atau selama hidupnya.

Oleh itu, untuk mengurus dan memanfaatkan dana zakat yang terkumpul dengan sebaik-baiknya diperlukan kebijaksanaan amil zakat sesuai dengan ketentuan yang terdapat dalam surat at-Taubah ayat 60.

Al Quran secara ekplisit menyebutkan ada 8 golongan yang berhak menerima zakat seperti tercantum dalam At-Taubah: 60 yang ertinya: "Sesungguhnya zakat-zakat

itu, hanya disalurkan kepada orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Dari kelapan-lapan golongan tersebut yang penting dalam kajian ini adalah mengenai fakir dan miskin. Ada beberapa definisi mengenai fakir dan miskin. Thabari (Qardhawi, 2002) mendefinisikan fakir dan miskin sebagai berikut: Miskin adalah mereka yang memerlukan bantuan untuk memenuhi hidup mereka sehari-hari tanpa harus meminta-minta. Fakir adalah mereka yang memerlukan bantuan hidup sehari-hari sehingga harus meminta-minta.

Hal ini dapat dimengerti kerana yang disebutkan dalam ayat itu lebih dahulu memang golongan yang sangat memerlukan dibandingkan dengan golongan yang disebut kemudian. Namun tidak bererti peringkat yang lebih dahulu menutupi peringkat yang datang kemudian, baik menutupi secara penuh mahupun hanya sebahagian, seperti sistem hijab (penghalang) yang berlaku dalam hal waris. Yang dimaksud dengan pemenuhan keperluan fakir dan miskin itu tidak hanya keperluan makan dan minum sahaja, tetapi mencakup segala macam keperluan, seperti tempat tinggal, pakaian, dan pendidikan.

Untuk itu, semua perlu skala prioriti. Mengutamakan fakir dan miskin seperti ini juga pernah dilakukan oleh Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Dia mengangkat seorang amil zakat yang kemudian ditempatkan di Afrika. Umar memerintahkan amil zakat itu agar mengutamakan pembahagian zakat untuk para fakir dan miskin. Tetapi setelah semua fakir dan miskin menerima bahagian, ternyata harta zakat masih banyak dan petugas itu pun lalu berkirim surat kepada Khalifah untuk meminta petunjuk bagaimana membagikan zakat yang masih ada. Khalifah memberi petunjuk agar harta zakat yang tersisa itu diberikan kepada kaum *al-garimm*. Kemudian apabila baki masih ada, supaya diberikan kepada hamba sahaya yang hendak memerdekakan dirinya. Untuk memanfaatkan dan mendayagunakan zakat dengan sebaik-baiknya, diperlukan kebijaksanaan dari pemerintah atau pengelola zakat. Dana zakat itu tidak harus diberikan kepada yang berhak secara apa adanya, tetapi dapat diberikan dalam bentuk lain yang dapat digunakan secara produktif.

Di samping ada hadis yang mengisyaratkan agar membagi harta zakat itu secepat mungkin, ada pula hadis yang memberi petunjuk untuk mengeluarkan zakat dari jenis yang sama dengan barang yang harus dizakati itu, sebagaimana terdapat dalam riwayat dari Mu'az bin Jabal yang mengatakan bahawa semasa Nabi SAW mengutusnyanya ke Yaman sebagai penguasa atau wali, Nabi SAW berkata: "Pungutlah (zakat) biji-bijian dari biji-bijian, kambing dari kambing, unta dari unta, dan sapi dari sapi" (HR. Abu Dawud dan Ibnu Majah).

Hadis ini mengisyaratkan bahawa zakat tidak dapat diganti dengan benda lain, walaupun sesuai dengan harga barang itu sendiri. Oleh sebahagian besar ulama hadis ini dijadikan alasan bahawa zakat harus diberikan apa adanya untuk digunakan secara konsumtif. Sedangkan ulama lain, termasuk Imam Abu Hanifah, memperbolehkan mengganti zakat dengan harganya (wang tunai).

Pemberian zakat kepada para mustahak dalam bentuk apa adanya untuk digunakan secara konsumtif itu cocok apabila sasaran pendayagunaannya adalah fakir dan miskin yang memerlukan makanan dengan segera. Namun apabila berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'i bahawa pemenuhan keperluan fakir dan miskin dengan harta zakat itu sampai batas diperkirakan mereka tidak akan terlantar lagi di hari depannya, maka pemberian zakat secara konsumtif kurang menjamin masa depan para mustahak. Kerana bagi fakir dan miskin yang tidak mempunyai keterampilan dan kemauan bekerja, harta zakat itu akan cepat habis. Padahal harta atau dana tersebut diperlukan untuk membuka lapangan kerja

baru yang dijangka dapat mencukupi keperluan mereka sehari-hari untuk masa yang lama (Palmawati, 2004).

Dengan demikian, jumlah dana yang diberikan harus berbeza-beza sesuai dengan tempat, masa, jenis usaha, dan sifat-sifat penerima zakat. Apabila fakir dan miskin itu tidak mempunyai keterampilan apa pun, mereka diberi zakat yang dapat mencukupi biaya hidup selama satu tahun atau selama hidupnya. Oleh kerana itu, untuk mengurus dan menggunakan dana zakat yang terkumpul dengan sebaik-baiknya, diperlukan kearifan amil zakat sesuai dengan ketentuan yang terdapat dalam surat at-Taubah ayat 60

Berikut ini diuraikan secara singkat kebanyakan sumber zakat yang diterapkan di Indonesia di antaranya (Palmawati, 2004; Qardhawi, 2002):

a. Emas dan perak

Kekayaan dalam bentuk emas dan perak untuk simpanan wajib dikeluarkan zakatnya, kerana merupakan sumber untuk pengembangan dan hal itu sama dengan kekayaan lain seperti mata wang yang dikeluarkan zakatnya. Nishab emas besarnya 20 dinar (85 gram emas murni) dan nishab perak besarnya adalah 200 dirham (atau setara 595 gram perak). Hal ini bererti seseorang yang mempunyai emas sebesar 20 dinar atau perak sebesar 595 gram dan sudah setahun dimiliki maka ia wajib membayar zakat sebesar 2,5 peratus (El-Bantanie, 2010).

Wang sebagaimana simpanan emas dan perak dikenakan zakat jika memenuhi syarat iaitu sudah mencapai nishab (disamakan dengan nishab emas sebesar 85 gram), sudah mencapai satu tahun, pemiliknya tidak memiliki utang dan memiliki kelebihan dari keperluan pokok.

b. Mata Pencarian atau Profesi

Yusuf al-Qardhawi (2002) berpendapat bahawa padanan hukum zakat profesi yang paling tepat adalah zakat al mal al mustafad (harta yang diperoleh melalui satu jenis proses kepemilikan yang baru dan halal). Jenis-jenis al mal al mustafad antara lain a) al-'amalah, yakni penghasilan yang diperoleh dalam bentuk upah atau gaji atas pekerjaan tertentu; b) al 'atiyah iaitu sejenis bonus atau insentif tetap yang diterima secara teratur oleh prajurit negara Islam dari baitul mal; c) al mazalim yakni jenis harta yang disita secara tidak sah oleh penguasa terdahulu, dan telah dianggap hilang oleh pemilik aslinya. Zakat penghasilan adalah zakat yang dipungut/diperoleh dari upah/gaji/honorarium karyawan dan usaha profesional seperti penghasilan seorang dokter, insinyur, guru, advokat, seniman, penjahit dan lain-lain yang telah mencapai nisab (Mubarak, 2002).

Nishab zakat profesi diqiyaskan atau dimiripkan dengan harta zakat yang telah ada iaitu a) jika diqiyaskan atau dimiripkan dengan zakat harta pertanian maka nishabnya adalah 653 kg gabah kering atau 522 kg beras dan masa pengeluaran zakatnya setiap panen atau setiap memperoleh gaji atau honor, b) untuk kadar zakat jika diqiyaskan dengan harta simpanan maka kadarnya 2,5 peratus.

2.3. Pengurusan Menurut Undang-Undang Yayasan

Yayasan adalah suatu keutamaan undang-undang yang keberadaannya dalam undang-undang di Indonesia sudah di akui oleh masyarakat berdasarkan realita undang-undang positif yang hidup dan berkembang dalam masyarakat Indonesia. Namun demikian aturan perundang-undangan yang mengatur keutamaan yayasan sebagai badan undang-undang belum ada sampai saat ini. Kecenderungan masyarakat memilih bentuk yayasan sebagai badan kebajikan antara lain kerana alasan (Setiawan, 1992) berikut:

- i. Proses pendiriannya sederhana,

- ii. Tanpa memerlukan pengesahan daripada pemerintah,
- iii. Adanya persepsi daripada masyarakat bahwa yayasan bukan merupakan subjek pajak.

Pengakuan yayasan sebagai badan undang-undang yang bererti sebagai subjek undang-undang mandiri seperti halnya orang, secara teoritis dalam kenyataannya hanya didasarkan antara lain kerana adanya kekayaan terpisah, tidak membahagikan kekayaan atau penghasilannya kepada pendiri atau pengurusnya, mempunyai tujuan tertentu, mempunyai organisasi yang teratur, didirikan dengan akta notaris. (Tobing, 1996, 6 Pitlo, 1986 : 335, Ali, 1987 : 70). Ciri demikian memang sesuai dengan ciri-ciri badan undang-undang pada umumnya, iaitu adanya kekayaan terpisah, adanya tujuan tertentu, adanya kepentingan sendiri dan adanya organisasi yang teratur (Pramono, 1947), (Rido. 1977).

Berdasarkan undang-undang kebiasaan dan asumsi undang-undang yang berlaku umum di masyarakat, maka dapat dikemukakan ciri-ciri yayasan sebagai suatu bahagian utama dalam undang-undang (Sri Rejeki, 1999, Tobing, 1990) sebagai berikut :

- i. Eksistensi yayasan sebagai entitas undang-undang di Indonesia belum didasarkan pada peraturan perundangundangan yang berlaku,
- ii. Pengakuan yayasan sebagai badan undang-undang belum ada dasar yuridis yang tegas berbeda halnya dengan Perseroan Terbatas (PT/Sdn Bhd.), Koperasi dan badan undang-undang yang lain,
- iii. Yayasan dibentuk dengan memisahkan kekayaan peribadi pendiri untuk tujuan nirlaba, untuk tujuan religius, sosial keagamaan, kemanusiaan dan tujuan-tujuan ideal yang lain,
- iv. Yayasan didirikan dengan akta notaris atau dengan surat keputusan pejabat yang bersangkutan dengan pendirian yayasan,
- v. Yayasan tidak memiliki anggota dan tidak dimiliki oleh siapapun, namun mempunyai pengurus atau organ untuk merealisasikan tujuan yayasan,
- vi. Yayasan, mempunyai kedudukan yang mandiri, sebagai akibat daripada adanya kekayaan terpisah daripada kekayaan peribadi pendiri atau pengurusnya dan mempunyai tujuan sendiri berbeza atau lepas daripada tujuan peribadi pendirian atau pengurus,
- vii. Yayasan diakui sebagai badan undang-undang seperti halnya orang yang bererti ia diakui sebagai subjek undang-undang mandiri yang dapat menyanggah hak dan kewajiban mandiri, didirikan dengan akta dan didaftarkan di kantor kepaniteraan Pengadilan Negeri setempat,
- viii. Yayasan dapat dibubarkan oleh pengadilan bila tujuan yayasan bertentangan dengan undang-undang, dapat dilikuidasi dan dapat dinyatakan pailit.

Dengan dikeluarkannya UU No. 16 Tahun 2001 serta diperbaharui dengan UU No. 28 Tahun 2004, dapat disimpulkan bahwa yayasan telah diakui sebagai badan undang-undang awam, yang bererti diakui subjek undang-undang mandiri yang terlepas daripada kedudukan subjek undang-undang para pendiri atau pengurusnya. Sebagai subjek undang-undang mandiri bererti yayasan mempunyai hak dan kewajiban, dapat menjadi debitur mahupun kreditur, dengan kata lain yayasan dapat melakukan hubungan undang-undang apapun dengan pihak ketiga. Kapan ia menjadi badan undang-undang menurut UU Yayasan adalah sejak akta pendiriannya yang dibuat di hadapan Notaris disahkan oleh Menteri Hukum dan Perundang-undangan dan Hak Asasi Manusia.

Bagi yayasan yang telah didaftarkan di Pengadilan Negeri dan mempunyai izin melakukan kegiatan daripada instansi terkait, tetap diakui sebagai badan undang-undang, dengan ketentuan dalam masa paling lambat 5 (lima) tahun sejak mulai berlakunya UU

Yayasan yang baru. Paling lambat 1 (satu) tahun setelah penyesuaian wajib diberitahukan kepada Menteri. Yayasan yang tidak menyesuaikan Anggaran Dasarnya dalam jangka masa 5 (tahun) dapat dibubarkan berdasarkan putusan Pengadilan atas permohonan Kejaksaan atau pihak yang berkepentingan.

Yayasan yang sebahagian kekayaannya berasal daripada bantuan Negara, bantuan luar negeri dan/atau sumbangan masyarakat yang diperolehnya sebagai akibat berlakunya suatu peraturan perundangundangan wajib mengumumkan iktisar laporan tahunan sebagaimana dimaksud oleh Pasal 52 Ayat (1) UU Yayasan dan yang mencakup kekayaannya selama 10 (sepuluh) tahun sebelum UU Yayasan disahkan. Pengumuman ini tidak menghapus hak daripada pihak berwajib untuk melakukan pemeriksaan, penyidikan dan penuntutan apabila ada dugaan terjadi pelanggaran undang-undang.

Kekayaan yang dipisahkan itu bagi Yayasan diperuntukkan bagi pencapaian tujuan tertentu di bidang sosial, idiiil, kemanusiaan dan keagamaan. Dengan demikian Yayasan pada hakekatnya adalah seperti berikut:

- i. Harta kekayaan yang dipisahkan,
- ii. Harta kekayaan tersebut diberi status badan undang-undang,
- iii. Keberadaannya untuk mencapai tujuan tertentu di bidang sosial, kemanusiaan dan keagamaan tersebut.

Secara teoritis Yayasan dapat didirikan oleh satu orang, dua orang atau lebih. Yayasan tidak mempunyai anggota (semacam pemegang saham dalam PT) dan eksistensinya semata-mata diperuntukkan untuk mencapai tutujuan tertentu dalam bidang sosial, kemanusiaan dan keagamaan tersebut. Oleh sebab itu semua kegiatan yayasan harus diabdikan kepada pencapaian tujuan tersebut. UU Yayasan menegaskan hal ini dengan melarang pembahagian hasil usaha kepada Yayasan, serta ancaman pidana.

Yayasan ditempatkan pada kedudukan yuridis sebagaimana mestinya. Ianya adalah badan undang-undang yang berfungsi sosial, kebajikan dan keagamaan. Ia boleh menjalankan kegiatan usaha, boleh mempunyai sisa hasil usaha tapi tidak boleh *profit oriented* seperti halnya PT. Baki hasil usaha boleh ada, tapi tidak boleh dibagi kepada organ yayasan. Ia boleh mendirikan badan usaha, misalnya PT, tapi tidak boleh seluruh aset Yayasan dipakai sebagai modal usaha. Hanya 2 peratus daripada seluruh aset yang dibolehkan untuk maksud tersebut.

Yayasan harus membuat pembukuan dan ianya harus diperiksa oleh seseorang akuntan public. Ianya untuk yayasan yang mempunyai asset 20 miliar lebih dan atau dapat bantuan 500 juta ke atas. Pembukuan harus diumumkan dan tembusannya harus disampaikan kepada Menteri. Ketentuan ini yang oleh beberapa kalangan dipandang memberatkan.

Antara kelemahan utama daripada pengelolaan yayasan adalah tidak adanya aturan yang mengatur tentang yayasan. Yayasan dapat dikelola secara bebas tanpa ada peraturan yang harus diperhatikan. Keberadaan yayasan selama ini hanya didasarkan pada praktik-praktik yang terpelihara. Kekuatan undang-undang daripada praktik-praktik ini tentunya sangat lemah. Akibat lain adalah tidak terjaminnya kepastian undang-undang mengingat praktik yang satu berbeda dengan praktik lainnya. Ketiadaan pengaturan yayasan juga bererti tidak adanya acuan yang dapat digunakan untuk mengatakan bahwa sesuatu boleh atau tidak boleh.

Di samping itu tidak adanya ketentuan tentang transparansi pengelolaan yayasan kerap disalahgunakan oleh para pendiri mahupun pengurus yayasan. Bahkan banyak yayasan yang menggalang dana cukup banyak daripada masyarakat terbebas daripada kewajiban untuk di-audit. Masyarakat tidak tahu apakah dana yang disumbangkan pada

suatu yayasan benar-benar untuk kepentingan sosial atau justru untuk kepentingan lain, bahkan terjadinya penyelewengan.

Kelemahan lain adalah yayasan dikelola secara tidak profesional. Pendiri yayasan adalah juga pengurus. Peran daripada pengawas yang diangkat untuk megawasi kegiatan dan kewangan yayasan tidak melaksanakan pekerjaannya secara sungguh-sungguh, bahkan terkesan pengangkatan mereka dilakukan sebagai formalitas belaka.

Antara yayasan keagamaan Islam adalah bertujuan mendirikan sekolah-sekolah Madrasah dan Tsanawiyah serta Badan-badan amal yang juga mewadahi penerimaan Zakat, Infaq dan Sedekah. Masjid-masjid di Bandar Manado juga masuk dalam kategori Yayasan. Terdiri daripada Sekolah Menengah Atas (SMA) Islam seramai 5 buah, dan Sekolah Menengah Pertama (SMP) seramai 9 buah. Masjid di Bandar Manado seramai 157 buah. (BPS, 2008).

3. PENGURUSAN KEWANGAN MASJID

Pengurusan kewangan pada masjid yang akan diselidik dalam kajian ini ialah pada kes Masjid Raya Ahmad Yani Manado. Panduan pengurusan kewangan Masjid iaitu mengatur kewangan organisasi masjid yang meliputi sumber dana, penganggaran kegiatan mahupun lalu lintas kewangannya. Wang yang masuk dan keluar harus halal, jelas sumbernya, tercatat dengan tepat dan dilaporkan secara periodik. Demikian pula prosidur pemasukan dan pengeluaran dana harus diatur dan dilaksanakan dengan baik.

Masjid merupakan sesebuah lembaga/institusi yang secara ekonomi tidak bertujuan mencari laba (nirlaba), bahkan dalam banyak hal memberikan subsidi kepada umat yang memerlukan. Sepatutnya, masjid mempunyai usaha produktif (mesin wang) yang dapat menghasilkan keuntungan finansial yang digunakan untuk memberikan subsidi pada umat yang memerlukan. Kerana sifatnya yang nirlaba, masjid memiliki kemudahan dalam menghimpun dana lunak yang digunakan secara amanah untuk menjalankan unit usahanya. Salah satu dana yang dihimpun selain zakat, infak, dan shadaqah, adalah wakaf yang dalam hal ini adalah wakaf tunai atau wakaf berbentuk wang (El-Bantanie, 2009; Ismail & Castrawijaya, 2010).

Masjid yang baik adalah sama ada masjid yang mempunyai fungsi vertikal (*hablum minallah*) dan fungsi horizontal (*hablum minan naas*) seperti pada zaman Rasulullah SAW. Orang pergi ke masjid tidak hanya sekedar menjalankan ibadah *mahdhah* tetapi juga mendapatkan kemanfaatan duniawi (bekerja, berniaga, mendapatkan santunan bagi fakir dan miskin) sehingga masjid merupakan tiang kesejahteraan umat Islam. Untuk mencapai hal tersebut, diperlukan masjid yang mempunyai sumber kewangan yang kuat (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Sebaiknya, masjid tidak hanya mengandalkan dana yang sifatnya pemberian (*infak*, *sodaqah*, dan lainnya) tetapi juga mempunyai sumber penghasilan yang berasal daripada usaha produktif. Dengan kata lain, masjid harus punya unit usaha yang produktif menghasilkan wang (Ismail & Castrawijaya, 2010).

3.1. Kegiatan dan Tata Cara Pengurusan Dana Masjid

A. Sumber Dana

Kegiatan Masjid memerlukan dana yang tidak sedikit. Kurang baiknya pendanaan dapat menyebabkan terhambatnya kegiatan-kegiatan yang telah dicadangkan. Oleh itu masalah ini perlu ditangani secara serius. Beberapa kegiatan penggalan dana dapat dilakukan, iaitu (Ismail & Castrawijaya, 2010):

Donatur tetap, iaitu bantuan daripada jama'ah atau pihak lain yang secara periodik memberikan infaq.

Donatur tidak tetap, yaitu bantuan daripada pelbagai pihak yang dilakukan dengan mengajukan permohonan, misalnya kepada instansi pemerintah, instansi swasta, lembaga donor atau simpatisan.

Donatur bebas, yaitu bantuan yang diperoleh daripada lingkungan jama'ah sendiri atau pihak luar yang bersifat mendesak. Hal ini dilakukan dengan menyediakan Bandar Amal mahupun penggalangan dana masyarakat.

Usaha ekonomi, yaitu dana yang diperoleh dengan melakukan aktifitas ekonomi, khasnya dalam bidang jasa dan perdagangan.

B. Sirkulasi Dana

1. Pengutipan.

Pengutipan dana dilakukan oleh Pengurus Ta'mir Bidang Dana dan Perlengkapan yang berupaya dalam memenuhi keperluan pendanaan untuk keseluruhan aktiviti. Pengurus melakukan beberapa aktifitas cara pengutipan dana, di antaranya mengajukan proposal, membuat *bandark* amal, aktifitas jasa dan ekonomi, dan lain sebagainya.

2. Pemasukan dan pengeluaran.

Dana yang telah dikutip Bidang Dana dan Perlengkapan selanjutnya diberikan kepada Bendahari dengan diketahui Ketua Umum. Hal ini dilakukan dengan proses *Form* Penyerahan Dana. Oleh Bendahari selanjutnya dana tersebut dimasukkan dan disimpan dalam laporan Kewangan Ta'mir Masjid atau Akaun Bank. Apabila disimpan di bank, sebaiknya menggunakan Bank Syari'ah dengan Ketua Umum dan atau Bendahari sebagai penandatanganan *cheque* atau pengambilan cash.

Untuk pengeluaran dana perlu diperhatikan adanya kesesuaian dengan anggaran yang telah ditetapkan bagi masing-masing bidang. Bidang yang bersangkutan mengajukan permohonan dana kepada Ketua Umum dengan mengisi borang Permintaan Wang Muka. Apabila disetujui, selanjutnya Bendahari mengeluarkan dana sesuai yang dimintakan. Demikian pula, penggunaan dana tersebut dipertanggungjawabkan oleh bidang yang bersangkutan dalam laporan pertanggungjawaban kegiatan dengan melampirkan Laporan Kewangan, atau dipertanggungjawabkan dengan mengisi borang Pertanggungjawaban Wang Muka.

3. Pengawasan Dana Masjid.

Aktifiti pengumpulan dana oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun pengelolaan dana oleh Bendahari perlu dilakukan pengontrolan. Hal ini dilakukan antara lain melalui:

- a. Lembar bukti. Beberapa lembar bukti yang boleh digunakan antara lain: kwitansi, nota, deklarasi, kupon dan lain sebagainya.
- b. Lembar Informasi. Informasi pengumpulan dan pengelolaan dana tiap bulan disampaikan oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari.
- c. Papan pengumuman. Informasi kewangan Masjid yang ditempelkan pada papan pengumuman.
- d. Laporan rutin. Pengurus Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari menyampaikan laporan rutin pengelolaan dana pada forum Rapat Umum mahupun Laporan Tahunan Pengurus. Juga disampaikan dalam Laporan Pertanggungjawaban Pengurus pada saat Musyawarah Jama'ah.
- e. Forum/Lembaga pengawas. Beberapa forum atau lembaga yang boleh melakukan pengawasan secara langsung diantaranya:
 1. Mesyuarat Umum.
 2. Mesyuarat *Pleno*.
 3. Majelis Syura.
 4. Musyawarah Jama'ah.

4. Hukuman Bagi Pengelola.

Hukuman bagi pengurus akan disesuaikan seturut dengan undang-undang yang berlaku. Jika hal ini berlaku untuk pengurusan dana zakat maka akan dilihat sesuai dengan Undang-Undang No. 38 Tahun 1999. Sedangkan untuk Wakaf akan diatur oleh Undang-Undang No. 41 Tahun 2004. Infaq dan sodaqah diatur dalam undang-undang masjid itu sendiri.

3.2. Pengurusan Dana Masjid Ahmad Yani Manado

Kekayaan masjid Ahmad Yani didapati dana yang diperoleh menurut sumbangan tetap mahupun tidak tetap. Antara sumbangan tersebut adalah: zakat, infak dan sedhakah. Hal ini dapat dilihat dalam Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat. Seperti terlihat dalam bab I mengenai ketentuan umum yang tertulis dalam Fasal 1 ialah Pengurusan Zakat adalah kegiatan perencanaan, pelaksanaan dan pengawasan terhadap pengutipan dan penyaluran serta pemanfaatan zakat. Zakat adalah harta yang wajib disisihkan oleh seorang muslim atau badan yang dimiliki oleh orang muslim sesuai dengan ketentuan agama untuk diberikan kepada yang berhak menerimanya. Muzakki adalah orang atau badan yang dimiliki oleh orang muslim yang berkewajiban menunaikan zakat. Mustahiq adalah orang atau badan yang berhak menerima zakat.

Kemudian dalam Fasal 13 dinyatakan bahawa Badan amil zakat dapat menerima harta selain zakat seperti infaq, shadaqah, wasiat waris dan kafarat. Sehingga hal ini menyatakan bahawa hampir seluruh kewangan masjid diuruskan oleh badan ini.

Badan amil zakat di semua tingkatan memiliki hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif dan informatif. Serta pengurus badan amil zakat terdiri atas unsur masyarakat dan pemerintah yang memenuhi persyaratan tertentu, kemudian organisasi badan amil zakat terdiri atas unsur pertimbangan, unsur pengawas dan unsur pelaksana. Kemudian dalam Fasal 7 menyatakan bahawa Lembaga amil zakat dikukuhkan, dibina, dan dilindungi oleh kerajaan.

Perhitungan dana zakat dihitung berdasarkan pendapatan per tahun setiap umat muslim di Manado yang minimum pendapatan sehingga sama dengan sekitar 91.92 gram emas. Dari hasil tersebut pemberian zakat berjumlah 2.5 peratus daripada 91.92 gram emas (Kementerian Agama Manado, 2010).

Menurut Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 tentang Zakat maka pengurusan dana zakat sepatutnya mesti dilakukan oleh setiap daerah, sehingga memudahkan untuk mempertanggungjawabkan dana yang masuk dan keluar sesuai dengan undang-undang.

Dalam propinsi Sulawesi Utara pengurusan dana Zakat mesti dilantik oleh Gubernur Sulawesi Utara dan Bandar Manado oleh walikota Manado akan tetapi untuk kes ini, kawasan Sulawesi Utara yang di antaranya terdiri daripada Bandar Manado, Bandar Kotamobagu, Bandar Bitung, Bandar Tomohon, Bandar Talaud, dan lain sebagainya hanya dilantik menjadi satu keseluruhan iaitu Propinsi Sulawesi Utara. Propinsi Sulawesi Utara hanya mempunyai satu badan pengurus zakat yang di samping itu pun juga merupakan badan Takmir Masjid. Suatu hal yang tidak sesuai dengan apa yang dikatakan di dalam undang-undang (Domu, 2011).

Masalah lainnya ialah daripada 171,742 umat Islam di Bandar Manado (Kementerian Agama Prov. Sulut, 2010) maka hanya mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan sahaja yang membayar zakat, iaitu seramai 1,700 orang atau hanya 1 peratus sahaja. Pembayaran zakat pun hanya berupa kesedaran para umat Islam yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan Bandar Manado. Kesedaran umat Muslim di kawasan ini dalam memberikan zakat masih dalam taraf peringkat rendah. Padahal, tujuan memberi zakat bagi umat muslim adalah membentuk dan membina ekonomi serta menghapus

kemiskinan (Domu, 2011). Ia juga menambahkan bahawa untuk memaksimumkan dan melaksanakan zakat sebagai amanah dari Allah SWT, banyak melakukan maklumat terhadap masyarakat tentang penggunaan dan manfaat zakat bagi umat Muslim. Selepas itu juga melakukan evaluasi seperti sejauh mana zakat ini telah dilaksanakan oleh masyarakat dan juga sejauh mana kesadaran masyarakat untuk melakukan zakat ini (Domu, 2011).

Manakala pembahagian dana zakat dilakukan kepada masyarakat yang masuk dalam kategori penerima zakat (mustahik) dalam At-Taubah 60 iaitu “Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang Fakir, orang-orang Miskin, Pengurus-pengurus zakat, Para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk memerdekakan budak. Orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang wajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Dalam kenyataannya, akibat kurangnya pengurus badan Takmir tersebut maka pembahagian dana zakat pun banyak mengalami kekurangannya. Contohnya, tidak adanya data masyarakat dengan peringkat sangat miskin sehingga pembahagian dana zakat lebih banyak kerana adanya hubungan kekerabatan, pertemanan mahupun dekat dengan kepala kampung (Domu, 2011). Jelas cara ini sangat bertentangan dengan Undang-Undang Nombor 38 tahun 1999 tentang Zakat.

Dalam hal lain dapat ditemui adalah cara mengutip dana yang akan masuk ke dalam akaun bank badan Takmir Masjid Ahmad Yani Manado. Semua sumber dana masjid baik dana zakat, infaq dan sodaqah juga dana pembinaan masjid dilakukan dalam satu akaun bank dengan satu nama pemilik akaun iaitu Bapak Ghaib dan ditanda tangani oleh ketua dan bendahari badan Takmir Masjid Manado. Tentu sahaja hal ini sangat bertentangan dengan undang-undang yang ada. Dengan lemahnya kawalan dapat mengakibatkan banyaknya hal-hal yang dapat mengakibatkan perbuatan melawan undang-undang, sehingga tentu sahaja akan mendapatkan hukuman.

3.3. Pedoman Pengawasan Dana Masjid

Aktiviti pengumpulan dana oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun pengelolaan dana oleh Bendahara perlu dilakukan pengontrolan. Hal ini dilakukan antara lain melalui:

- i. Lembar bukti. Beberapa lembar bukti yang bisa digunakan antara lain: kwitansi, nota, deklarasi, kupon dan lain sebagainya.
- ii. Lembar Informasi. Informasi pengumpulan dan pengelolaan dana tiap bulan disampaikan oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahara.
- iii. Papan pengumuman. Informasi kewangan Masjid yang ditempelkan pada papan pengumuman.
- iv. Laporan rutin. Pengurus Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahara menyampaikan laporan rutin pengelolaan dana pada forum Rapat Umum mahupun Laporan Tahunan Pengurus. Juga disampaikan dalam Laporan Pertanggungjawaban Pengurus pada saat Musyawarah Jama'ah.
- v. Forum/Lembaga pengawas. Beberapa forum atau lembaga yang bisa melakukan pengawasan secara langsung adalah:
 - a) Rapat Umum.
 - b) Rapat Pleno.
 - c) Majelis Syura.
 - d) Musyawarah Jama'ah.

3.4. Hukuman Bagi Pengelola.

Hukuman bagi pengelola akan disesuaikan seturut dengan undang-undang yang berlaku. Jika hal ini berlaku untuk pengelolaan dana zakat maka akan dilihat sesuai dengan Undang-Undang No. 38 Tahun 1999. Sedangkan untuk Wakaf akan diatur oleh Undang-Undang No. 41 Tahun 2004. Infaq dan shodaqoh diatur dalam undang-undang masjid itu sendiri.

Apabila ada seseorang pengurus dana-dana tersebut yang melakukan penyelewengan maka akan dikenakan hukuman sesuai dengan hukuman daripada masjid itu yang berasaskan daripada Undang-Undang yang disebut di atas. Hanya biasanya pengurus masjid tidak mengambil kira akan hal ini disebabkan masalah moraliti. Tetapi jika akan diambil tindakan maka di dalam mahkamah negeri akan dikenakan hukuman kepada undang-undang wakaf dan zakat serta undang-undang yang masuk di dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP).

Pembuatan laporan dana masjid yang dibuat berasaskan pada setiap 3 tahun. Dengan demikian hal ini tentunya akan sangat tidak sesuai dengan undang-undang yang berlaku dan juga ditakutkan akan terjadi kes pecah amanah. Tidak adanya tanggung jawab serta badan Pengawas (Pengawal) yang mengawal seluruh laporan dana-dana masjid Ahmad Yani.

4. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya ialah menurut undang-undang yang berlaku, orang, pengurus Masjid dan dana-dana yang berasal daripada sumbangan-sumbangan tetap dan tidak tetap serta untuk pembinaan Masjid, dibawah pengawalan Undang-Undang (UU) Nombor 16 tahun 2001 tentang Yayasan, sedangkan untuk pengurusan dana terbesar di Masjid yang meliputi dana zakat, infaq dan sadaqah dikawal dan berpanduan kepada UU Nombor 38 tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat. Dan apabila terjadi pecah amanah yang menyebabkan seseorang akan dihukum di dalam keputusan mahkamah maka untuk hukuman tetap merujuk kepada UU Nombor 38 tahun 1999 atau dapat pula merujuk kepada undang-undang sivil yang akan diberlakukan dan dirujuk kemudian seturut dengan keputusan yang akan diambil oleh Hakim.

Apabila ada seseorang pengurus dana-dana tersebut yang melakukan pecah amanah, maka akan dikenakan hukuman sesuai dengan ketentuan daripada masjid itu dan berasaskan daripada Undang-Undang yang disebut di atas. Hanya biasanya pengurus masjid tidak mengambil kira akan hal ini disebabkan masalah moraliti. Tetapi jika akan diambil tindakan maka di dalam mahkamah negeri akan dikenakan hukuman kepada undang-undang wakaf dan zakat serta undang-undang yang masuk di dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP).

Analisis di atas membincangkan beberapa hal yang ingin diteliti tentang pengurusan dana Masjid. Ia meliputi undang-undang Masjid masuk dalam kategori Yayasan yang dimaksudkan dalam Undang-Undang No. 28 Tahun 2004. Manakala kakitangan yayasan sangat menentukan untuk keberhasilan dalam mengurus kewangan atau dana dan pentadbiran Masjid. Sumber dana masjid pula boleh berupa zakat, wakaf, infaq, sedekah dan kotak-kotak amal di masjid.

Untuk menghindari hal-hal yang tidak diinginkan di dalam mengurus kewangan masjid sebaiknya kakitangannya perlu dibekali dengan ilmu-ilmu pengetahuan pengurusan pejabat, dipilih daripada yang berhati baik dan jujur.

Masih kurangnya kajian yang melibatkan tinjauan undang-undang keagamaan terhadap pengurusan dana rumah ibadat di Bandar Manado sehingga akan menjadikan suatu kajian yang bermanfaat di kalangan umat Islam. Kajian ini merupakan suatu cadangan penyelidikan untuk dikaji dalam penyelidikan tesis selanjutnya.

5. BIBLIOGRAFI

- Abdurrahim dan Mubarak, M.A, (2002), *Zakat Dan Peranannya Dalam Pembangunan Bangsa Serta Kemaslahatannya Bagi Umat*. Jakarta. Surya Handayani Pratama. Jakarta
- Abbas J. A. (2006), *Islamic Perspective On Management and Organization*, IIUM Journal of Economics and Management.
- Abdul, H. M. *Hukum Perdata Material Jilid Ilmuwan*, Pradnya Paramita, Jakarta.
- Ali, C. 1991. *Badan Hukum*, Alumni, Bandung.
- _____, 1982. *Himpun Jurispruden Hukum Dagang Indonesia, Jilid Ilmuwan*, Pradnya Paramita, Jakarta
- Albehairi, A.A. (1988), *Religious Orientation and Fear of Death among Muslim and Christian Individu*, Kingston, University of Rhode Island.
- _____, (1997), *Development of Muslim Religiousity Scale*, Ph.D Thesis, University of Rhode Island.
- Ali, A. (1988), "Scaling An Islamic Work Ethic", *The Journal of Social Psychology*, Vol. 128 No. 5, pp. 575-83.
- Ali, M. D. (1988), *Sistem Ekonomi Islam Zakat dan Wakaf*. Jakarta. UI Press.
- Ash Shiddieqy, T. M., (1999), *Pedoman Zakat*. Semarang. PT Pustaka Riski Putra.
- Avenzora, A., (2003), *Parameter Kemiskinan Dalam Tinjauan Konsumsi & Pendidikan*. Makalah pada Seminar Garis Kemiskinan Indonesia, Forum Zakat, Jakarta.
- Beer, M., Spector, B., Lawrence, P.R., Quin M., D. and Walton, R.E., (1984), *Managing Human Assets*, Macmillan, New York, NY.
- Biro Pusat Statistik, (2007), *Kota Manado Dalam Angka*, BPS Kota Manado.
- Black, H. C., (1990), *Black's Law Dictionary*, Second Edition, ST Paul Minestotta USA, West Publishing Co.
- Burack, E.H. and Smith, R.D. (1977), *Personnel Management: A Human Resource System Approach*, West Publishing, St Paul, MN.
- Burhan, A. (2001), *Consumer Behaviour and Religiosity of Muslim Community in Klang Valley: Consumer Perception on Halal and Non Halal in Products and Services*, Unpublished MBA Dissertation, Universiti Malaya.
- Campbell, H. 1990. *Black Law Dictionary*, St Paul Minn: West Publishing Co.
- Chatamarrasjid, 2000. *Tujuan Sosial Yayasan dan Kegiatan Usaha Bertujuan Laba*, PT. Citra Aditya Bakti, Bandung.
- C.S.T, Kansil, dan Cristine S.T. K. 2005. *Hukum Perusahaan Indonesia Bag 1*, Pradnya Paramita.
- Cole, R.E. (1973), "Functional Alternatives And Economic Development: An Empirical Example Of Permanent Employment In Japan", *American Sociology Review*, Vol. 38, pp. 424-38.
- De Belder, R.T. and Khan, M.H. (1993), "The Changing Face Of Islamic Banking", *International Financial Law Review*, Vol. 12 No. 11, pp. 23-6.
- Doa, D., (2001), *Membangun Ekonomi Umat Melalui Pengelolaan Zakat Harta*. Nuansa Madani. Jakarta.
- Domu, H., (2011), *Kesadaran Memberi Zakat Rendah*, *Harian Manado Post*, 28 April, ms. 7.
- Durkheim, E. (1961), *The Elementary Forms of Religious Life (4th ed)*, George Allen & Unwin.
- El-Bantanie, M. S., (2009), *Zakat, Infak dan Sedekah*, Salamadani Pustaka Semesta, Bandung.
- Endot, S. (1995), *The Islamisation Process in Malaysia*, PhD Thesis, University of Bradford.

- Gower, P. L. D, 1997. *Principles of Modern Company Law*. London: Sweet Maxwell.
- Hadi, S. 2000. *Metodologi Research Jilid I*. ANDI. Yogyakarta.
- Hafidhuddin, D., (2002). Zakat dalam Perekonomian Modern. Jakarta. Gema Insani Press.
- Hamidiyah, E., (2005), *Analisis Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengumpulan ZISWK di Dompot Dhuafa Republika*, Jurnal EKSIS Vol 1 No. 4 Oktober-Desember 2005, Universitas Indonesia
- Hasanah, U., (1989), *Zakat dan Keadilan Sosial, Studi Kasus Pengelolaan Zakat oleh BAZIS DKI Jakarta*. Tesis.
- Hickson, D.J., Hinings, C.R., McMillan, C.J.M. and Schwitter, J.P. (1974), "The Culture-Free Context Of Organization Structure: A Tri-National Comparison", *Sociology*, Vol. 8, pp. 59-80.
- Intiazi, (1985). *Introduction of Seminar on Management Zakah in Modern Muslim Society*. Karachi
- Irawan, P. (2007), *Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif Untuk Ilmu-Ilmu Sosial*, Departemen Ilmu Administrasi Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Indonesia.
- Ismail, A. S. & Castrawijaya, C., (2010), *Manajemen Masjid*, Angkasa, Bandung.
- Kahf, M., (1993). *Zakah Management in Moslem Societies*. Islami Development Bank. Islami Research and Training Institute.
- Kamil Md.Idris, (2007), *Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*, Jurnal Rekayasa, 2 (1), Malaysia
- Marican, S., (2006), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Prentice Hall, Selangor, Malaysia
- Mohaptra, A. R. (1990), *Philosophy of Religion: An Approach to World Religious*, Sterling Publication Private Ltd., New Delhi.
- Moleong, L. J, (2000), *Metoda Kajian Kualitatif*, PT. Remaja Rosdakarya, Bandung
- Mujaini T., (1995). *Zakat Penggajian: Satu Penilaian Terbaru di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Malaysia.
- Neuman, W. L. (2006), *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (6th ed)*, Allyn and Bacon, Boston.
- Palmawati, T., (2004), *Zakat dan Negara, Studi Tentang Prospek Zakat Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Dengan Berlakunya UU No. 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat*, Disertasi Doktor, Universitas Indonesia, Jakarta.
- Qardhawi, Y., (2002) *Hukum Zakat*. Terj. A. Lira Antar Nusa.
- Rido. R., A. 2001. *Badan Hukum dan Kedudukan Badan Hukum Perseroan Perkumpulan, Koperasi, Yayasan, Wakaf*. Penerbit Alumni, Bandung.
- Silalahi, U. (2009), *Metode Penelitian Sosial*, Refika Aditama, Bandung, Indonesia
- Standar Akta Yayasan dan Undang-Undang Yayasan*, Yayasan Kesejahteraan Direktorat Jenderal Administrasi Hukum Umum Departemen Hukum Dan HAM RI, Tahun 2004
- Soekanto, S. 1986. *Pengantar Penelitian Hukum*. UI Press. Jakarta.
- Soemitro, R. H. 1990. *Metodologi Penelitian Hukum dan Jurimetri*. Ghalia Indonesia. Jakarta.
- Soeroredjo, H. 1989. *Status Hukum dari Yayasan dalam Kaitannya dengan Penataan Badan-badan Usaha di Indonesia*, Makalah. 15 Desember 1989.
- Soemitro, R. 1989. *Yayasan, Status Hukum dan Sifat Usaha*, Jakarta, 15 Desember 1989.
- Supramono G., 2008. *Hukum Yayasan di Indonesia*, Rineka Cipta, Jakarta
- Susanto, R., 1982. *Hukum Dagang dan Koperasi*, Pradnya Paramita, Jakarta.
- Sunggono, B. 1998. *Metodologi Penelitian Hukum*, Rajawali Press, Jakarta, 1998.

- Susanto, A. Arief., (2002), *Zakat sebagai Kebijakan Alternatif Anti Kesenjangan dan Anti kemiskinan. Jurnal Ekonomi Syariah Muamalah Vol 1. Shariah Economics Forum Universitas Gajah Mada. Yogyakarta.*
- Tumbuan, F.B.G. 2002. *Mencermati Yayasan Sebagaimana Dimaksud UU Yayasan*, Makalah, Fakultas Hukum Unika Atmajaya, Jakarta 20 Ogos2002.
- Untung, B. 2002. *Reformasi Yayasan dalam Perpekpektif Manajemen*, Andi Yogyakarta.
- Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 38 Tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat.
- Widjaya, G. 2002. *Yayasan di Indonesia Suatu Panduan Kornprehensif*, Elex Media Komputindo, Jakarta.
- Winardi, (1983), *Azas – Azas Manajemen*, Penerbit Alumni, Bandung.